

Headline	Tukar minyak motor percuma		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Feb 2014	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	20	ArticleSize	233 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 4,605	PR Value	RM 13,815



# Tukar minyak motor percuma

MAHASISWA Dewan Penginapan Pelajar (DPP) TM Universiti Utara Malaysia (UUM), Alumni Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), IKBN Jitra, BH Petrol dan KBP Travel & Tours bekerjasama untuk memberi khidmat menukar minyak secara percuma untuk pemilik motosikal di Jitra, Kedah baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UUM, Dr. Ahmadasri Alaudin melancarkan program kemasyarakatan yang membabitkan Institusi Pendidikan, institut kemahiran, korporat dan pengusaha pelancongan di negara ini.

Dr Ahmadasri ketika melancarkan program ini berkata, jalinan kerjasama seperti ini diharap menjadi jambatan untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara satu dan lain.

“Saya melihat program ini bukan sahaja dapat memberi khidmat kepada masyarakat malah menyedarkan semua pihak kerjasama dalam merencanakan

program itu amat penting,” katanya.

Beliau yakin dengan peluang yang diberikan kepada mahasiswa UUM untuk bersama-sama penganjur lain diharap memberi gambaran kepada masyarakat kelahiran institusi pendidikan dan kemahiran di kawasan ini menguntungkan

mereka.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, IKBN Jitra, Abd. Rashid Abu Bakar berkata, pihaknya sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuk bersama Alumni IKBN atau IKTBN untuk memberi khidmat dari segi tenaga yang terdapat di IKBN Jitra khususnya.

“Kami melatih pelajar dari segi kemahiran dan program yang dirancang ini merupakan penambahbaikan di samping memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan kemahiran yang mereka pelajari kepada masyarakat seperti juga UUM yang mengajar mahasiswanya dalam bidang kepengurusan,” katanya.

Bagi Pengurus BH Petrol Jitra, Nesar Ahmad Khan pihaknya bersedia untuk

bekerjasama dengan mana-mana pihak terutama UUM dan IKBN kerana program ini dapat menjalinkan hubungan antara badan korporat dan agensi kerajaan.

“Saya bersedia untuk memberi tempat kepada pelajar IKBN untuk menjalankan khidmat bengkel di sini

sekiranya diperlukan untuk meningkatkan kemahiran mereka manakala UUM pula boleh menghantar mahasiswanya untuk mempelajari bidang keusahawanan termasuk mengadakan bengkel servis motosikal di kampus itu sekiranya diperlukan,” ujarnya.



ABD. Rashid Abu Bakar menyampaikan peralatan untuk membaiki motosikal kepada pelajar IKBN, Jitra, Kedah, baru-baru ini.